



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

9TH ASEAN CHILDREN'S FORUM PERKASA SUARA KANAK-KANAK DALAM MENANGANI KEGANASAN

PUTRAJAYA, 4 OGOS 2026: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri hari ini telah merasmikan Forum Kanak-Kanak ASEAN Ke-9 (9th ASEAN Children's Forum, ACF) yang berlangsung pada 4 hingga 5 Ogos 2026 di Putrajaya, secara hibrid, melibatkan penyertaan fizikal dan sidang video. Mengangkat tema "Shielding ASEAN Childhood: Say No to Violence", forum ini menghimpunkan penyertaan kanak-kanak dari negara-negara ASEAN bagi memperkukuh komitmen serantau dalam melindungi hak, kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak daripada segala bentuk keganasan.

Dalam ucapannya, YB Menteri menegaskan bahawa setiap kanak-kanak berhak menikmati hak yang sama dalam aspek perlindungan, perkembangan, kelangsungan hidup dan penyertaan yang bermakna. Sehubungan itu, beliau menekankan bahawa setiap dasar dan keputusan yang memberi kesan kepada kehidupan kanak-kanak hendaklah berteraskan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak.

Beliau turut memaklumkan bahawa berdasarkan statistik UNICEF, rantau Asia Pasifik merupakan wilayah yang mempunyai populasi kanak-kanak terbesar di dunia, iaitu seramai 1.12 bilion orang. Di rantau ASEAN pula, populasi kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun dianggarkan melebihi 200 juta orang, bersamaan kira-kira 30 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk negara-negara anggota ASEAN. Statistik ini jelas menggambarkan bahawa masa depan ASEAN bergantung kepada generasi muda hari ini.

YB Menteri seterusnya menegaskan bahawa tema "Shielding ASEAN Childhood: Say No to Violence", bukan sekadar slogan, sebaliknya merupakan satu seruan kepada semua pihak untuk bertindak secara kolektif dalam memastikan setiap kanak-kanak membesar dalam persekitaran yang selamat, inklusif dan sejahtera. Beliau menekankan bahawa setiap kanak-kanak berhak dilindungi, didengari serta diberi ruang untuk terlibat secara bermakna agar mereka dapat mencapai potensi sepenuhnya.

Beliau turut menjelaskan bahawa tema tersebut selaras dengan komitmen Negara-Negara Anggota ASEAN (ASEAN Member States, AMS) yang kini sedang memuktamadkan *ASEAN Regional Plan of Action on the Elimination of Violence Against Children 2026–2035*, yang dijadualkan untuk diperakukan oleh para Pemimpin ASEAN sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 di Republik Filipina.

Dalam majlis yang sama, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), menyampaikan ucapan alu-aluan, diikuti ucapan oleh TYT Nararya S. Soepratto, Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Hal Ehwal Komuniti dan Korporat, yang disampaikan menerusi rakaman video.

Forum ini diterajui oleh *Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development* (SOMSWD) dengan kerjasama *ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children* (ACWC), iaitu badan sektoral ASEAN yang dianggotai oleh KPWKM.

ACF ke-9 menghimpunkan lebih 150 peserta secara hibrid, termasuk empat (4) wakil kanak-kanak berusia 12 hingga 17 tahun dari setiap Negara Anggota ASEAN. Mereka disokong oleh fasilitator, mentor, titik fokus SOMSWD, wakil ACWC bagi Hak Wanita dan Hak Kanak-Kanak, Sekretariat ASEAN serta rakan strategik seperti *Child Rights Coalition Asia* (CRC Asia), World Vision East Asia, Asmae Philippines, UNICEF, UNFPA dan SUHAKAM.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha KPWKM, Encik Mohd Daud bin Mohd Arif, pegawai kanan jabatan dan agensi di bawah KPWKM, wakil SUHAKAM, UNICEF Malaysia, UNFPA Malaysia serta pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dan badan bukan kerajaan (NGO), antaranya CRC Malaysia, Yayasan Chow Kit, Desa Amal Jireh dan Home of Peace Kuala Lumpur.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
4 OGOS 2026**